

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang
Sidang Akademik 1997/98**

April 1998

FIT 341.4 - Sistem Pernafasan, Renal, Darah dan Terapi

Masa: 3 jam

Kertas ini mengandungi ENAM (6) soalan dan 3 muka surat yang bertaip.

Jawab LIMA (5) soalan sahaja.

Semua soalan mesti di jawab di dalam Bahasa Malaysia.

.....2/-

- I. (A) Banding dan bezakan proses pembekuan darah melalui lintasan intrinsik dan ekstrinsik. (10 markah)
- (B) Terangkan mekanisme tindakan heparin. (10 markah)
- II. (A) Terangkan tindakan farmakologi dan farmakokinetik diuretik gelung. (10 markah)
- (B) Nama kimia (i) dan (ii) di bawah adalah diuretik.
- (i) 2-asetamido-1,3,4-tiadiazol-5-sulfonamida.
- (ii) 6-kloro-3,4-dihidro-7-sulfamoil-2H-1,2,4-benzotiadiazina-1,1-dioksida.
- Jawab soalan-soalan berikut:
- (a) Lukiskan struktur.
- (b) Terangkan perbezaan utama tindakan diuretiknya. (10 markah)
- III. (A) Bincangkan bagaimanakah pengangkutan oksigen terjadi dalam darah. (10 markah)
- (B) Terangkan patofisiologi asma sehingga berlakunya hiperinflasi paru-paru. (10 markah)

.....3/-

(FIT 341)

- IV. (A) Berikan definisi asma. (2 markah)
- (B) Apakah tujuan rawatan farmakologi dan bukan farmakologi penyakit asma? (5 markah)
- (C) Bincangkan secara am kegunaan drug inhalasi (sedutan) dalam rawatan asma. (3 markah)
- (D) Bincangkan kegunaan klinikal dan kontraindikasi heparin. (10 markah)
- V. (A) Bincangkan pemekatan air kencing melalui mekanisme arah berlawanan. (10 markah)
- (B) Nama-nama kimia (i) dan (ii) berikut di bawah adalah antipembeku dan antiasma masing-masing.
- (i) natrium 3-(α -asetonilbenzil)-4-hidroksikoumarin.
(ii) 3,7-dihidro-1,3-dimetil-1*H*-purina-2,6-dion.
- Jawab soalan berikut yang berkaitan dengan kedua-dua sebatian:
- (a) Lukiskan struktur.
(b) Bincangkan perbezaan mekanisme tindakannya. (10 markah)
- VI. (A) Terangkan istilah-istilah berikut:
- (i) Isipadu vital.
(ii) Isipadu residual.
(iii) Isipadu ekspiratori tersimpan.
(iv) Isipadu inspiratori tersimpan.
(v) Kapasiti paru-paru total. (10 markah)
- (B) Terangkan kegunaan klinikal diuretik gelung. (10 markah)